

# Berhenti kerja, jual belut jana RM30,000 sebulan

UM 22/6/2022 MS : 33

Oleh NOOR HAYATI MAMAT  
utusannews@mediamulia.com.my

**MARANG:** Keputusan seorang pemandu lori berhenti kerja untuk beralih bidang sebagai pembekal belut ternyata berbaloi apabila mampu peroleh pendapatan lumayan antara RM20,000 sehingga RM30,000 sebulan.

Muhamad Zulkifli Yusof, 28, dari Kampung Binjai Bongkok di sini berkata, pada masa ini, dia memerlukan bekalan belut lebih 1.3 tan sebulan bagi menampung permintaan pelanggan yang tinggi terutama di bandar Kuala Terengganu.

Katanya, perniagaan tersebut diusahakannya sejak dua tahun lalu ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020.

"Permintaan bekalan belut yang tinggi terutama peniaga kedai makan telah mendorong saya mengambil keputusan berhenti kerja sebagai pemandu



**MUHAMAD Zulkifli Yusof menunjukkan bekalan belut untuk dibekalkan kepada pelanggan di Kampung Binjai Bongkok, Marang, Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT**

lori.

"Pada setiap minggu, saya terpaksa mendapatkan bekalan

belut di beberapa negeri termasuk Melaka, Perak dan Kelantan untuk menampung permintaan

pelanggan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Zulkifli yang lebih dikenali 'Yo Belut' memberitahu, isterinya, Izzati Yusof, 29, turut membantu dalam perniagaan itu dengan menghantar bekalan belut kepada pelanggan di bandar Kuala Terengganu.

Tambahnya, dia juga mendapat tempahan belut dari beberapa daerah di negeri ini tetapi terpaksa ditolak kerana tidak dapat memenuhi permintaan.

"Harga belut spesies paya, sawah serta pasir dijual pada harga RM28 sekilogram, manakala belut albino pula lebih mahal boleh mencapai RM100 seekor," jelasnya. .

Katanya, bekalan belut agak terhad kerana tidak ramai yang mengusahakan ternakan belut secara komersial di negara ini.

"Sebahagian penternak belut pula didapati menternak belut secara kecil-kecilan," katanya.